

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 DISEMBER 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 30

Kementerian Ekonomi fokus kukuhkan hasil negara

Beberapa badan kementerian turut diminta kemuka perancangan pelbagai sumber

PUTRAJAYA



RAFIZI

Kementerian Ekonomi fokus kukuhkan hasil negara

Kementerian Ekonomi akan bekerjasama rapat dengan kementerian lain untuk menyediakan scenario dan perancangan bagi memastikan Malaysia meraih pendapatan yang lebih kukuh.

Menterinya, Mohd Rafizi Ramli berkata, isu-isu ekonomi berstruktur yang kini merupakan fokus utama bagi Kerajaan Perpaduan perlu ditangani dengan pendekatan lebih kreatif dan inovasi terutamanya memandangkan cabaran yang dihadapi negara sekarang.

"Malaysia tidak boleh terlalu bergantung kepada hasil yang berasaskan kepada sumber semula jadi atau komoditi."

"Saya yakin ia adalah perka-ra yang akan menjadi fokus untuk memastikan hasil kita lebih kukuh," katanya kepada pem-berita selepas persidangan per-mulaan kajian semula separuh penggar Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) di sini pada Selasa.

Mohd Rafizi berkata, beliau berharap dapat melihat pen-



Kerajaan perlu mempelbagaikan pencukai-an agar hasil negara lebih kukuh dan kurang bergantung kepada industri tertentu.

dekatkan daripada pelbagai su-dut untuk mengukuhkan hasil negara.

Menurutnya, pencukai-an bukan satu-satunya sudut yang perlu diberi tumpuan bagi tem-poh jangka panjang.

"Kita mahu mempelbagaikan pencukai-an kita agar ia menjadi lebih kukuh dan ku-

rang bergantung kepada indus-tri tertentu.

"Bagaimanapun, proses itu tidak boleh diputuskan atau dilakukan secara mengejut dalam masa beberapa bulan. la akan mengambil sedikit masa, tetapi tugas kami (kementerian) adalah untuk memastikan kami menyediakan perancangan

yang mencukupi untuk diper-timbangkan oleh kabinet," katanya.

Apabila ditanya sama ada Bajet 2023 akan lebih kecil atau besar berbanding yang di-umumkan kerajaan sebelumnya, beliau berkata, ia perlu dijawab Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Menteri Kewangan.

Mohd Rafizi berkata, keraja-an berusaha untuk mem-bentangkan belanjawan per-sekutuan yang mampar dan dijadual akan dibentangkan pada tahun depan.

Kementerian Ekonomi akan bekerjasama rapat dengan Kementerian Kewangan ber-hubung perkara ini yang merupakan satu daripada tugas paling penting bagi kerajaan baru itu, katanya.

"Kami akan sangat sibuk dengan perkara ini dalam tem-poh sebulan dua jni," kata Mohd Rafizi, sambil menambah kementeriannya menumpukan kepada perancangan jangka panjang. - Bernama